



BULETIN

Kicau VETERINAR

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

EDISI 1/2024

Majlis Amanat KPPV
Tahun Baharu 2024 - m/s 8

Apa itu
PET PASSPORT? - M/S 15

Sambutan Hari Veterinar
Sedunia Tahun 2024 - m/s 21

500 Hadir Ke Konvensyen
Pengembangan Veterinar dan
Hari Inovasi Tahun 2024 - 24

Perutusan

Ketua Pengarah

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas saya tujukan kepada Sidang Redaksi atas kejayaan menerbitkan Buletin Kicau Veterinar Bilangan 1/2024. Bagi pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar, saya berterima kasih kepada semua pihak yang menjayakan penerbitan buletin ini.

Pada tahun 2024 ini, diharapkan lebih banyak perkongsian maklumat merangkumi pelbagai aspek disampaikan menggunakan bahasa yang ringkas dan mudah difahami.

Sekali lagi, setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Sidang Redaksi Buletin Kicau Veterinar dan semoga usaha ini dapat diteruskan pada masa yang akan datang.

DR. AKMA BINTI NGAH HAMID
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar

Diterbitkan oleh:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR



JANUARI 2025

3	TAHNAH KEPADA TKP (P)
3	NATIONAL CONSULTATION WORKSHOP FOR ASSESSMENT OF AFRICAN SWINE FEVER (ASF) SITUATION AND DEVELOPMENT OF COUNTRY LEVEL RISK-BASED ASF CONTROL IN MALAYSIA
3	FOKUS KUKUHKAN INDUSTRI AYAM DAN TELUR – KPKM
4	PERBINCANGAN MENGENAI ISU HAIWAN TERBIAR BERSAMA YB MENTERI
4	PERASMIAN PROGRAM KITA KASI 2024 DAN KEMPEN KESEDARAN PENVAKSINAN PENYAKIT RABIES NEGERI KEDAH
5	KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR KE PAK MIE SHELTER
5	KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR KE KEBUNITI PUYUH KEDAH
6	LAWATAN KERJA KPPV KE LADANG PENTERNAK LEMBU (PIKK60%)
7	LAWATAN KPPV KE LADANG AYAM KACUKAN DI PERLIS

FEBRUARI 2025

8	MAJLIS AMANAT KPPV TAHUN BAHARU 2024
9	MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL (HAIWAN & PENYAKIT BAWAAN HAIWAN) SPESIES ASING INVASIF
10	KPPV TERIMA KUNJUNGAN HORMAT PERPISAHAN ATTACHE PERDAGANGAN KEDUTAAN BESAR REPUBLIK INDONESIA
10	KUNJUNGAN HORMAT TIMBALAN PENGARAH BIRO PENGADUAN AWAM
10	KUNJUNGAN HORMAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PENJARA
11	LAWATAN KERJA TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (DASAR) KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) KE INSTITUT VETERINAR MALAYSIA
11	SESI PERJUMPAAN DVS DENGAN SPRM
12	DVS @ PROGRAM MADANI RAKYAT ZON TENGAH
12	TAKLIMAT KEBAJIKAN DAN PENJAGAAN KUDA
12	TKP(P) @ RADIO NASIONAL FM
13	PROJEK PELESTARIAN LEMBU HIBRID NAIMBIF

MAC 2025

14	LAWATAN KE LADANG AYAM YANG BERJAYA MENGATASI ISU LALAT
16	KPPV BERSAMA DELEGASI FOOD AND AGRICULTURE ORGANIZATION OF THE UNITED NATION (FAO) BANGKOK
16	LAWATAN KERJA DKSU KPKM KE SAWIT KINABALU LIVESTOCK INTEGRATED CENTRE
16	SIDANG MEJA BULAT ANTARA KPKM DAN DELEGASI CHINA AGRICULTURAL WHOLESAL MARKET ASSOCIATION (CAWA)
17	MAJLIS IKRAR DAN ANGKAT SUMPAH DOKTOR VETERINAR BERDAFTAR GRADUAN LUAR NEGARA
17	SIARAN MEDIA: MALAYSIA BEBAS PENYAKIT ANTHRAX

APRIL 2025

18	LAWATAN PERSATUAN PENTERNAK-PENTERNAK KEBANGSAAN KE PEJABAT YB MENTERI
18	WAWANCARA KPPV @ SELAMAT PAGI MALAYSIA, TV1
18	BENGKEL REGIONAL TRIPARTITE ON ANTIMICROBIAL RESISTANCE (AMR)-18 APRIL 2024, HOTEL EVERLY PUTRAJAYA
18	LAWATAN KPPV KE PET WORLD NUTRIONS-20 APRIL 2024, SHAH ALAM
19	KPPV @ MALAYSIA HARI INI
20	PEMBENTANGAN ANUGERAH INOVASI DVS 2024
20	KPPV @ RADIO NASIONAL FM
21	SAMBUTAN HARI VETERINAR SEDUNIA TAHUN 2024
22	SESI ROUNDTABLE ANTI-MICROBIAL RESISTANCE (AMR)

MEI 2025

23	LAWATAN KERJA RASMI KPPV KE KOTA BHARU
23	LAWATAN KERJA RASMI DATUK KSU KPKM KE KLUANG
23	KUNJUNGAN HORMAT DVS KE PEJABAT YB MENTERI KPKM
24	500 HADIR KE KONVENSYEN PENGEMBANGAN VETERINAR DAN HARI INOVASI TAHUN 2024
25	TAHNIAH KEPADA SEMUA PARA PEMENANG DI KONVENSYEN PENGEMBANGAN VETERINAR DAN HARI INOVASI JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR TAHUN 2024
26	WAWANCARA DR. KETTY GOH BERSAMA 8TV
26	WAWANCARA DI BERNAMA TV
26	KUNJUNGAN HORMAT KETUA PENGARAH DEPARTMENT OF LIVESTOCK DEVELOPMENT (DLD) THAILAND
26	PROGRAM "NON-SURGICAL EMBRYO FLUSHING"
27	FAO MISSION TO ACCAHZ OFFICE
27	SESI PENYERAHAN MEMORANDUM KOLABORASI TAMBAHAN KEPADA MEMORANDUM KOLABORASI BAGI PROGRAM PEMBANGUNAN TENUSU ANTARA JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) DAN DUTCH LADY MILK INDUSTRIES (DLMI) BERHAD
28	LAWATAN KPPV KE PROJEK PENTERNAKAN LEMBU WAGYU

JUN 2025

29	MEETING OF ASIAN REGIONAL NATIONAL COORDINATORS FOR THE MANAGEMENT OF ANIMAL GENETIC RESOURCES IN THE SOUTH ASIAN REGION
30	MAJLIS PELUNCURAN MAHA KE-100 TAHUN 2024
31	LAWATAN TAPAK PENYEMBELIHAN TERNAKAN BAGI MUSIM HARI RAYA AIDILADHA OLEH DVS WPKL BERSAMA DBKL

TAHNAH KEPADA TKP (P)



Setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada YBrs. Dr. Suratan Kamarudin, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Jabatan Perkhidmatan Veterinar atas pengurniaan Darjah Kebesaran Johan Mangku Negara (J.M.N) oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 4 Januari 2024 di Istana Negara.

NATIONAL CONSULTATION WORKSHOP FOR ASSESSMENT OF AFRICAN SWINE FEVER (ASF) SITUATION AND DEVELOPMENT OF COUNTRY LEVEL RISK-BASED ASF CONTROL IN MALAYSIA

Bengkel yang diadakan bermula 9 hingga 11 Januari 2024 ini bertujuan untuk menilai situasi ASF di Malaysia serta membentuk Strategi Kawalan dan Pembasmian ASF peringkat Kebangsaan berdasarkan penilaian risiko (*Country-Level Risk-Based AS Control Strategy*).

Bengkel anjuran bersama Pertubuhan Kesihatan Haiwan

Sedunia (*World Organization for Animal Health - WOA*) ini menggabungkan kepakaran, pengalaman dan pandangan dari pelbagai pihak termasuk pihak swasta bagi mendapatkan pemahaman secara menyeluruh ke arah meningkatkan keberkesanan pengurusan dan pencegahan penyakit ASF di Malaysia.



FOKUS KUKUKKAN INDUSTRI AYAM DAN TELUR – KPKM

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan memberi fokus untuk mengukuhkan tiga lagi industri sedia ada dan 1 industri rintis iaitu:

- i. Padi dan beras;
- ii. Ayam dan telur;
- iii. Bawang;
- iv. Nanas.

YB Datuk Seri Haji Mohamad Sabu, Menteri KPKM memberitahu perkara tersebut ketika Majlis Amanat Tahun Baharu 2024 kepada warga KPKM pada 16 Januari 2024 bertempat di Dewan Serbaguna, Wisma Tani, Putrajaya.

Tambah beliau, fokus kedua yang menumpukan kepada industri ayam dan telur adalah meningkatkan libat urus dalam memudah cara kebenaran merancang serta memudahkan

proses pembiayaan bagi penternak ayam dan telur bersaiz kecil dan sederhana.

"Kesukaran mendapatkan Kebenaran Merancang (KM) bagi menukar ladang ternakan ayam kepada sistem tertutup dikenal pasti antara cabaran utama dihadapi penternak ayam ketika ini. Sistem reban tertutup dapat meningkatkan efisiensi pengeluaran, mengurangkan kos pengeluaran dan memastikan kawalan kualiti keluaran hasil terjamin dan pada masa yang sama ladang tidak mencemar alam sekitar".

YB Datuk Seri Haji Mohamad turut memaklumkan KPKM bersedia untuk memberikan komitmen sepenuhnya bagi sesi libat urus yang melibatkan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan

yang akan diadakan dengan lebih agresif bagi tahun 2024 ini bagi menyelesaikan semua isu yang berkait tentang perkara ini.



PERBINCANGAN MENGENAI ISU HAIWAN TERBIAR BERSAMA YB MENTERI

Taklimat kepada YB Datuk Seri Haji Mohamad Sabu, Menteri KPKM yang disampaikan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan wakil dari Gabungan NGO berkaitan dengan kebajikan haiwan di Wisma Tani, Putrajaya pada 19 Januari 2024.

YB Menteri mengambil maklum cadangan yang telah dikemukakan oleh pihak Gabungan NGO serta ulasan

dan input teknikal daripada DVS berdasarkan bidang kuasa jabatan.

Beliau turut mengarahkan supaya perbincangan lanjut diadakan antara pihak NGO dan DVS agar suatu cadangan tindakan yang menyeluruh boleh diambil dalam memastikan isu gangguan kacau yang melibatkan haiwan terbiar dapat diuruskan dan diatasi dengan sebaiknya.



PERASMIAN PROGRAM KITA KASI 2024 DAN KEMPEN KESEDARAN PENVAKSINAN PENYAKIT RABIES NEGERI KEDAH

YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid hadir merasmikan Program Kita Kasi 2024 dan Kempen Kesedaran Penvaksinan Penyakit Rabies Negeri Kedah pada 27 Januari 2024.

Program 'Kita Kasi' adalah berfokuskan pemandulan kucing jantan dan betina. Pemandulan ini mempunyai banyak kelebihan. Yang pertamanya pemandulan ini mampu untuk mengawal pertambahan populasi haiwan, mengelakkan pergaduhan dan perebutan kawasan; termasuk juga untuk mengelakkan penyebaran penyakit berjangkit di kalangan haiwan.

Sementara program penvaksinan Rabies pula merupakan inisiatif yang pertama dilakukan secara kolaborasi di antara klinik swasta dan pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah dalam menggalakkan orang ramai untuk mendapatkan suntikan rabies kepada anjing peliharaan mereka.

Untuk makluman semua, Daerah Kubang Pasu merupakan salah satu daerah di dalam zon kawalan Rabies di negeri Kedah. Ini berikutan daerah ini bersempadan

dengan negara jiran Thailand, di mana kes rabies masih berlaku di sana.

Seperti yang diketahui umum, penyakit rabies ini boleh menjangkiti manusia dan mamalia lain seperti anjing, kucing dan termasuk ternakan lembu dan kambing. Walaubagaimanapun kebanyakan kes rabies adalah melibatkan anjing.

Penyakit Rabies boleh membunuh tetapi dapat dielakkan dengan penvaksinan. Oleh yang demikian, adalah menjadi kewajipan semua pemilik anjing khususnya di kawasan yang telah diwartakan sebagai zon kawalan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka dengan memastikan anjing mereka divaksinasi pada setiap tahun.


Perkhidmatan tersebut turut disediakan kepada para pemilik anjing yang hadir di program tersebut. Selain itu, kepada yang tidak berkesempatan hari ini, para pemilik anjing boleh mendapatkan perkhidmatan khemah Suntikan Vaksinasi Rabies di semua Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah di Negeri Kedah yang bersempadan

dengan negara Thailand.

Hadir sama di program tersebut YBrs. Dr. Shahrul Akmar bin Talib, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah dan YBrs. Dr. Siti Hajar binti Abu Bakar, Pengarah Family Animal Medical Centre.



FUNGSI



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR KE PAK MIE SHELTER



27 Januari 2024: YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar meneruskan persinggahan di Kedah Restu Animal Shelter (Pak Mie Shelter), Pendang, Kedah.

Pak Mie Shelter yang terletak di Kampung Dato' Syed Ahmad Padang Peliang, Pendang, Kedah ini menempatkan anjing dan kucing jalanan yang kesemuanya diuruskan menggunakan wang hasil sumbangan orang ramai.

Semoga nasib anak-anak bulus ini terbelas dan kepada para pemilik haiwan kesayangan, sayangilah haiwan peliharaan anda, jangan abaikan mereka!!!



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR KE KEBUNITI PUYUH KEDAH



27 Januari 2024: Lawatan Kerja YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid ke Projek Kebuniti Puyuh, Kampung Tala, MK Jeneri, Sik, Kedah.

Projek kebuniti yang diusahakan oleh Encik Nazrul Fahmi bin Yusof, Encik Mohd Faizal bin Shamsudin

serta Encik Mohamad Sabri bin Mahmood ini terletak di Pusat Santuari Landak Raya Jeneri yang diasaskan oleh Encik Mahadzir bin Abdul Hamid.

Semoga terus maju jaya!

LAWATAN KERJA KPPV KE LADANG PENTERNAK LEMBU (PIKK60%)



Lawatan kerja YBrS. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar ke ladang penternak lembu (PIKK60%) negeri Perlis pada 28 Januari 2024.

Lawatan pertama ke ladang milik Encik Aziz bin Kassim yang terletak di Kampung Kubang Tiga, Bukit Kerangga, Chuping, Perlis.

Diikuti ke ladang milik Encik Mustaqim bin Azhar yang terletak di RTP Padang Besar, Mukim Titi Tinggi, Perlis.

Dan KPPV mengakhiri lawatan kerja di ladang yang terletak di Kampung Titi Tinggi Hilir, Perlis milik Encik Aidil Nabil bin Madura.

Antara tujuan lawatan kerja ini adalah bagi memantau pelaksanaan projek di bawah projek PIKK 60 selain bersemuka dengan para penternak untuk mengetahui permasalahan di lapangan.

Selain itu, pertemuan penternak dengan Pegawai pembangunan Veterinar dan Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah di lapangan bagi berkongsi pendapat dan idea dalam menambahbaik Perkhidmatan Veterinar khususnya dan industri ternakan secara amnya.



PANDUAN MENGHADAPI MUSIM PANAS KEPADA PARA PENTERNAK

Memastikan ternakan ditempatkan di persekitaran yang sesuai.

1. Mempunyai **teduhan** bagi melindungi ternakan daripada strok haba.
2. **Pengurangan** kadar muatan reban/bilangan kemasukan anak ayam.



LAWATAN KPPV KE LADANG AYAM KACUKAN DI PERLIS



Lawatan kerja KPPV diteruskan ke Ladang Ayam Kampung Kacukan di bawah Program Kebuniti yang diusahakan Encik Ismail bin Ahmad dan Encik Rusli bin Shariff yang terletak di Kampung Pauh, Mukim Sanglang, 02700 Simpang Empat Perlis pada 29 Januari 2024.

Antara tujuan lawatan kerja ini adalah turun ke lapangan bertemu penternak secara bersemuka bagi berkongsi pendapat dan idea dalam menambahbaik Perkhidmatan Veterinar khususnya dan industri ternakan secara amnya.



4 FOKUS UTAMA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN



Industri Padi



Industri Bawang



Industri Ayam & Telur



Industri Nanas



"Keterjaminan Makanan Negara dan kejayaan empat fokus utama Kementerian bagi tahun 2024 ini akan dipandu menggunakan Program Inovasi Nasional Keterjaminan Agromakanan Rakyat (PINTAR)."

Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu
Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan

MAJLIS AMANAT KPPV TAHUN BAHARU 2024

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid menyeru agar warga Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) untuk bekerjasama sebagai satu pasukan dengan menggabungkan kebolehan, kemahiran dan pengalaman yang dilakukan secara bersepadu dalam menghasilkan output kerja yang berkualiti jika dibandingkan usaha yang dilakukan secara bersendirian.

Beliau berkata demikian ketika Majlis Amanat Tahun Baharu 2024 pada 5 Februari 2024 bertempat di Dewan Serbaguna Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) Wisma Tani, Putrajaya.

Tambah Dr. Akma lagi, ia juga penting untuk mencapai misi, visi dan objektif Jabatan selain ia perlu dipupuk dalam kalangan setiap warga DVS.

Dr. Akma turut menyentuh fokus-fokus DVS bagi tahun 2024 antaranya:

- Kawalan Penyakit dan Biosekuriti
- Mewujudkan zon bebas FMD dengan vaksinasi di Langkawi, Kedah, dan 3 daerah di Johor (Kulai, Johor Bahru dan Pontian).
- Membangunkan Dossier Progressive Control Pathway bagi mengawal risiko wabak dan penyebaran ASF.

Pembangunan Industri

- Pengeluaran komoditi ternakan ruminan untuk meningkatkan populasi lembu tempatan dengan meningkatkan kadar kelahiran.
- Pengeluaran ayam dan telur dengan mengekalkan kestabilan pengeluaran ayam pedaging dan telur dengan pengapungan harga.

Kesihatan Awam Veterinar

- Pematuhan ladang ternakan dan rumah sembelih jabatan terhadap piawaian kawalan pencemaran.
- Program Pematuhan Ladang Terhadap Kawalan Pencemaran.
- Tindakan pembetulan aduan pencemaran.
- Penambahan Skop Pemantauan Pencemaran Air (COD & AMR).
- Garis Panduan Kes Indeks Pencemaran Industri Ternakan DVS- Pengurusan Kes Gangguan Lalat.

Penyelidikan & Inovasi Veterinar

- Pembangunan Sistem Penternakan Integrasi Moden Berteknologi Tinggi merangkumi Pengurusan Ternakan,

pemantauan dan peningkatan produktiviti di bawah peruntukan Program Mekanisasi dan Automasi Agromakanan (M&A)-Meningkatkan pengeluaran daging lembu tempatan melalui peningkatan produktiviti pemakanan serta Kebolehdapatan Sumber Makanan Ternakan di bawah peruntukan inisiatif Ekonomi Madani (IEM): R&D&C&I dengan kerjasama bersama pihak MARDI.

Turut hadir YBrs. Dr. Surat bin Kamarudin, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Pegawai-Pegawai Pengurusan Tertinggi ibu pejabat/ negeri dan warga DVS.

Dalam majlis tersebut, turut diadakan penyampaian sijil penghargaan kepada Kumpulan KIK Rabies Warrior (VRI), penyampaian sijil penghargaan HPPNK 2023, penyampaian sijil penghargaan kepada Pengarah Bahagian dan Negeri (BRV), penyampaian sijil Ahli Jawatankuasa Pensijilan Veterinar serta Majlis Bingkisan Kasih Sanjungan Budi bagi Dr. Mohd. Termizi bin Ghazali, mantan Pengarah Bahagian Pembangunan Industri Ternakan yang telah bersara.



MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL (HAIWAN & PENYAKIT BAWAAN HAIWAN) SPESIES ASING INVASIF

Pada 6 Februari 2024, YBhg. Dato' Abdul Kadir Abu Hashim, Ketua Pengarah Jabatan PERHILITAN Semenanjung Malaysia telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal (Haiwan & Penyakit Bawaan Haiwan) Spesies Asing Invasif Bil.1/2024 secara bersama YBrs. Dr. Akma Ngah Hamid, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar di Bilik Mesyuarat Enggang Papan, Jabatan PERHILITAN.

Selaras dengan tujuan penubuhan Jawatankuasa dan aktiviti yang telah digariskan di dalam "National Action Plan on Invasive Alien Species (NAP IAS) 2021-

2025", DVS sebagai Jabatan di bawah MAFI pada ketika itu telah diberi peranan untuk menyelia Jawatankuasa Teknikal IAS Haiwan dan Penyakit Bawaan Haiwan. Jabatan PERHILITAN pula berperanan sebagai ahli jawatankuasa teknikal yang bertanggungjawab dalam pengurusan haiwan IAS.

Mesyuarat ini berfungsi memberi pengesyoran teknikal untuk merangka pelan tindakan dan aktiviti pengurusan selain menilai risiko IAS. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab menyediakan panduan pengesanan awal dan *rapid response* sekiranya terdapat kemasukan IAS serta

mengemaskini senarai IAS di Malaysia di bawah skop Haiwan dan Penyakit Bawaan Haiwan.






Pengenalan IATn

Industri Asas Ternakan (IATn) adalah industri yang mengeluarkan produk-produk tambah nilai daripada hasil ternakan sama ada produk makanan atau bukan makanan.

Dibahagikan kepada 3 kategori:

- Produk Primer
- Produk Sekunder
- Produk Tertiar












KPPV TERIMA KUNJUNGAN HORMAT PERPISAHAN ATTACHE PERDAGANGAN KEDUTAAN BESAR REPUBLIK INDONESIA

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, YBrs. Dr. Akma Ngah Hamid telah menerima kunjungan hormat perpisahan dari Attaché Perdagangan Tuan Deden Muhammad Fajar Shiddiq, Kedutaan Besar Republik Indonesia pada 7 Februari 2024.

Dalam pertemuan yang berlangsung selama setengah jam itu, YBrs. Dr. Akma telah merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Deden Muhammad Fajar Shiddiq atas segala sumbangan bakti dan keringat sepanjang berkerjasama

dalam menjalinkan hubungan yang baik antara Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan Directorate General of Livestock and Animal Health Services (DGLAHS) khususnya dalam aspek perdagangan dua hala berkaitan haiwan dan produk haiwan. Beliau telah berkhidmat di Kedutaan Besar Republik Indonesia di Kuala Lumpur selama 3 tahun dan akan diganti oleh Puan Azizah Rahmaniar Salam.

Turut hadir, wakil attaché perdagangan yang baharu, YBrs. Puan Azizah Rahmaniar Salam

bersama wakil-wakil Kedutaan dan wakil Jabatan dari Bahagian Perancangan dan Strategik Penilaian Veterinar YBrs. Dr. Madihah Rauza binti Ahmad Salimi dan YBrs. Dr. Nor Hidayah binti Ibrahim.



KUNJUNGAN HORMAT TIMBALAN PENGARAH BIRO PENGADUAN AWAM

Kunjungan Hormat YBrs. Encik Mohamed Nasser bin Abdul Razak, Timbalan Ketua Pengarah Biro Pengaduan Awam ke atas YBrs. Dr. Suratan bin Kamarudin, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar pada 8 Februari 2024.

DVS amat berbesar hati menerima kehadiran para Pegawai daripada Biro Pengaduan Awam dalam membincangkan isu - isu berkaitan aduan Jabatan. Hadir sama ialah Encik Mohd. Hafiz bin Mohd. Isa, Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).



KUNJUNGAN HORMAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PENJARA



Kunjungan Hormat Timbalan Ketua Pengarah Penjara (Keselamatan dan Koreksional) YBhg. Dato' Haji Abdul Aziz bin Abdul Razak ke atas Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid pada 9 Februari 2024.

Kunjungan tersebut adalah bagi membincangkan potensi kerjasama strategik antara Jabatan Penjara Malaysia bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi melaksanakan Program Upskilling 2024 di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.



Turut hadir YBrs. Dr. Mohd Noor Hisham bin Mohd Haron (Pengaroh Kanan Bahagian Perancangan Strategik dan Penilaian Veterinar), YBrs. Dr. Falizah binti Abdullah (Pengaroh Bahagian Pembangunan Modal Insan), Dr. Zulkifli bin Ishak (Timbalan Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan Industri Ternakan) dan Encik Abdul Hakim bin Abdul Aziz (Pegawai Penyelidik Bahagian Perancangan Strategik dan Penilaian Veterinar).

LAWATAN KERJA TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (DASAR) KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) KE INSTITUT VETERINAR MALAYSIA



Institut Veterinar Malaysia (IVM), Kluang, Johor telah menerima lawatan kerja YBhg. Datuk Azah Hanim binti Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) pada 18 Februari 2024.

Kunjungan YBhg. Datuk TKSU(D) turut diiringi oleh pegawai-pegawai kanan agensi di bawah KPKM yang terdiri daripada YBrs. Dr. Suratan bin Kamarudin (Timbalan Ketua Pengarah DVS),

Puan Hizatul Halizah binti Hashim (Pengarah BPKLP), Puan Aishah binti Haji Yusoff (BPKLP), YBrs. Dr. Saifullizam bin Abd. Kadir (DVS), Encik Muhammad Ridhwan bin Azizan (BPP), wakil KPKM, wakil PPM, Pengarah MARDI, Pengarah DOA, Pengarah LPNM, wakil DOF dan wakil Agrobank. Turut serta dalam lawatan ini adalah wakil dari JKR Kluang.

Dalam lawatan ini, YBhg. Datuk dan tetamu lain telah dibawa melawat ke Centre of Upskilling

for Business and Entrepreneurship (CUBE@IVM) yang akan menjadi *one stop activity centre* dan pusat informasi dan latihan tambahan (*value added skill*) ke arah business minded untuk bakal graduan IVM. Tetamu turut dibawa ke CUBE@IVM sementara yang menjadi penempatan sementara aset alih untuk penghasilan produk berasaskan susu dan aset alih lain di bawah perolehan M&A 2022 dan 2023.

SESI PERJUMPAAN DVS DENGAN SPRM

Perjumpaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 20 Februari 2024 di Ibu Pejabat DVS, Putrajaya telah diatur bagi memuktamadkan sesi khidmat nasihat terhadap isu penyelewangan tuntutan palsu berkaitan pengurusan program pemberian subsidi ayam dan telur di DVS.

Objektif khidmat nasihat ini adalah untuk meneliti amalan, sistem dan tatacara kerja pengurusan subsidi ayam dan telur yang boleh membuka ruang, salahguna kuasa serta penyelewangan.

Cadangan penambahbaikan ini adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 7(c),(d) dan (e) Akta suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

Persetujuan kedua belah pihak untuk menambahbaik prosedur pengurusan subsidi ayam dan telur telah berjaya dicapai dan dimeterai dengan perakuan di kedua pihak.



DVS @ PROGRAM MADANI RAKYAT ZON TENGAH

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) turut memeriahkan Program Madani Rakyat Zon Tengah bertempat di Kompleks Sukan Kuala Selangor bermula 23 hingga 25 Februari 2024 yang lalu.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan selama 3 hari antaranya Pameran baka-baka lembu sado dan lembu tempatan, Kebuniti Ternakan, Petting zoo, Tanya Vet Anda, pemeriksaan dan rawatan kucing kesayangan, *Night On The Farm* dan banyak lagi.



TAKLIMAT KEBAJIKAN DAN PENJAGAAN KUDA

Taklimat Kebajikan dan Penjagaan Kuda di Malaysia pada 28 Februari 2024 bertempat di Auditorium Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.

Taklimat ini adalah siri kempen 'Kita Jaga Kuda' yang bertujuan memberikan pendidikan dan kesedaran kepada pemain industri kuda berhubung kebajikan dan penjagaan kuda yang baik.

Program kali ini dianjurkan oleh SSC Resources Sunnah Berkuda, Persatuan Haiwan Malaysia - Malaysia Animal Association dan Ikhwān Equestrian melibatkan sokongan dan kerjasama daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Fakulti Perubatan Veterinar Universiti Putra Malaysia, Majlis Ekuin Malaysia - Official, Unit Berkuda Polis Diraja Malaysia (Royal Malaysia Police), Persatuan Memanah Berkuda As-Sibaq dan Demi Meliau.



TKP(P) @ RADIO NASIONAL FM

Y Brs. Dr. Suratān Kamarudin, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Jabatan Perkhidmatan Veterinar dalam satu wawancara bersama Radio Nasional FM yang mengupas topik "Kesan Bencana Terhadap Haiwan" pada 28 Februari 2024, jam 10.30 pagi bertempat di Angkasapuri, Kuala Lumpur.



PROJEK PELESTARIAN LEMBU HIBRID NAIMBIF

Anak pertama kelahiran daripada Projek Pelestarian Lembu Naimbif telah berjaya dihasilkan pada 13 Januari 2024. Ia merupakan hasil aplikasi teknologi Peranian Beradas/*Artificial Insemination* (AI) menggunakan semen daripada pejantan Naimbif bernama Marco yang telah dikeluarkan daripada Pusat Bioteknologi *Animal Reproduction Technology* (BioART) di bawah kelolaan Kelantan Biotech Center (KBC).

Projek Pelestarian Lembu Hibrid Naimbif ini merupakan projek kerjasama antara KBC dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) yang diwakili oleh DVS Kelantan dan Institut Biodiversiti Veterinar Kebangsaan (IBVK). Ia bertujuan untuk menghasilkan lembu hibrid

sado berasaskan kepada baka Charolais yang sesuai untuk dipelihara dengan persekitaran dan sistem pengeluaran negara ini. Usaha perlu dijalankan untuk mengekalkan peratusan darah baka Charolais yang optimum untuk memastikan kemampunan lembu hibrid Naimbif yang dihasilkan dalam negara ini.

Selain daripada komponen pembiakbakaan di lapangan melalui aplikasi teknologi AI, projek ini juga melibatkan komponen pembangunan pusat pengeluaran semen khusus untuk lembu pejantan Naimbif (Pusat BioART) yang diusahakan oleh pihak KBC. Ini termasuklah pemilihan lembu pejantan Naimbif di lapangan yang memenuhi kriteria ditetapkan dan saringan penyakit

serta komponen penilaian genetik (Ujian Progeni) yang dijalankan bersama oleh pihak DVS Kelantan dan IBVK.

Dalam projek ini, pihak IBVK memainkan peranan dalam membantu pembangunan Pusat BioART dan pemilihan pejantan Naimbif serta aspek penilaian genetik termasuklah Ujian Progeni untuk lembu hibrid Naimbif ini.

Adalah dijangkakan sekiranya usaha pembiakbakaan lembu hibrid Naimbif ini dapat berjalan secara konsisten sepanjang 10 tahun berikutnya, maka baka lembu Naimbif yang stabil dan berkualiti bagi persekitaran tempatan dapat dihasilkan dalam negara kita.



LAWATAN KE LADANG AYAM YANG BERJAYA MENGATASI ISU LALAT

Siri lawatan kerja kakitangan Bahagian Kesihatan Awam Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Putrajaya ke D'Khairan Farm Sdn Bhd, Sg Besar, Selangor pada 5 Mac 2024 diketuai oleh YBrs. Dr. Sohayati Abd Rahman.

Ladang D'Khairan yang menggunakan sistem penternakan reban tertutup telah berjaya mengatasi isu lalat di ladang dan di sekitarnya dengan hanya menambahkan sistem pengurusan ternakan.

Semasa lawatan dilakukan, ayam berumur 35 hari dan tiada bau busuk atau lalat yang berterbangan baik di dalam atau di luar reban.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada D' Khairan Farm di atas kejayaan mengatasi isu lalat dan terima kasih dari kami di atas perkongsian maklumat yang bermanfaat untuk semua.

Lawatan ini juga turut disertai perunding ladang iaitu YBrs. Dr. Hamdan Ahmad dan kakitangan DVS, Putrajaya, YBrs. Dr. Hafizal Ahmad, Puan Zuriana Muhamad Nor, Puan Anis Farizah Mohd Aris, Encik Hanif Hayyi Hanapi dan Encik Muhammad Ubaidillah Ismail.



PANDUAN MENGHADAPI MUSIM PANAS KEPADA PARA PENTERNAK

Menyediakan stok makanan dan makanan alternatif.

1. Mempunyai silaj*, jerami, konsentrat yang mencukupi serta air minuman yang bersih.
2. Penternak **digalakkan** meletakkan ubat anti stress dalam air minuman ternakan.

****Silaj adalah makanan ternakan ruminan yang terdiri daripada bahan rufaj yang berkelembapan tinggi di antara 35% hingga 75% kandungan air yang diperolehi melalui proses penapaian dan disimpan dalam keadaan kedap udara.**

Cukup & Terjamin **MALAYSIA MADANI**



APA ITU PET PASSPORT?



KAD PENGENALAN HAIWAN MALAYSIA

- DIKENALI SEBAGAI PET PASSPORT
- MERUPAKAN DOKUMEN RASMI KERAJAAN MALAYSIA
- PENDAFTARAN BAGI HAIWAN KESAYANGAN SEPERTI ANJING, KUCING, ARNAB DAN LAIN-LAIN HAIWAN KECIL TERMASUK HAIWAN REKREASI SEPERTI KUDA.



TUJUAN PET PASSPORT

- DOKUMEN REKOD PENGENALAN HAIWAN KESAYANGAN DAN HAIWAN REKREASI
- PUPUK PEMILIKAN HAIWAN BERTANGGUNGJAWAB
- MENJAMIN KEBAJIKAN DAN KESEJAHTERAAN

FAEDAH PENGUNAAN PET PASSPORT

- BUKTI PEMILIKAN HAIWAN
- REKOD HAIWAN KESAYANGAN YANG LENGKAP
- MEMBANTU KAWALAN PENYAKIT HAIWAN

DAPATKAN KAD PENGENALAN HAIWAN SEKARANG!

SEMAK petpassport.dvs.gov.my UNTUK Mendapatkan SENARAI PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR DAN KLINIK VETERINAR BERDAFTAR BERDEKATAN ANDA.

Harga Dokumen Kad Pengenalan Haiwan

- Anjing/Kucing/Arnab/Lain-lain haiwan kecil - RM7.00
- Kuda - RM9.00

Harga adalah tidak termasuk harga mikrocip, pemeriksaan fizikal, gambar dan lain-lain perkhidmatan.



KPPV BERSAMA DELEGASI FOOD AND AGRICULTURE ORGANIZATION OF THE UNITED NATION (FAO) BANGKOK



8 Mac 2024 -Putrajaya: Pertemuan YBrs. Dr. Akma Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar bersama delegasi *Food and Agriculture Organization of the United Nation* (FAO) Bangkok pada hari terakhir Misi Lawatan FAO ke Malaysia dalam memberikan sokongan terhadap aktiviti-aktiviti untuk perancangan serta persiapan Malaysia melancarkan Pusat Penyelarasan Bagi Kesihatan Haiwan dan Zoonosis ASEAN (ACCAHZ) di Malaysia pada tahun ini.

Delegasi terdiri daripada Dr. Asri Rangkuti, Dr. Paolo Motta dan Ms Rindu Putri. Misi lawatan FAO ini

adalah selama seminggu dan telah berlangsung dari 3 Mac sehingga berakhir pada 8 Mac 2024.

Dengan pelancaran pusat penyelarasan ACCAHZ ini nanti, Malaysia selaku negara tuan rumah pertama ACCAHZ, bersama negara-negara serantau ASEAN, rakan-rakan antarabangsa, termasuk FAO dan lain-lain yang terlibat bakal melangkah jauh lagi dalam mengukuhkan usaha untuk melindungi rantau ini dari penyakit-penyakit haiwan rentas sempadan berjangkit dan zoonosis. Ia tidak langsung akan turut juga memberikan impak positif terhadap pembangunan serta ekonomi negara.

LAWATAN KERJA DKSU KPKM KE SAWIT KINABALU LIVESTOCK INTEGRATED CENTRE

YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, KPPV mengiringi lawatan kerja YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan ke Sawit Kinabalu Livestock Integrated Centre (SKLIC), Tawau bagi melihat perkembangan projek ternakan di situ pada 10 Mac 2024.

Selain membangunkan Kompleks

Ladang pembiakan lembu, SKLIC juga sedang giat memperkukuhkan projek tanaman foder ternakan yang merangkumi padang rumput napier, penanaman ubi kayu dan terkini projek penanaman jagung bijian.

Turut hadir dalam lawatan tersebut ialah YBrs. Dr. Hajah Normah Yusop, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah.



SIDANG MEJA BULAT ANTARA KPKM DAN DELEGASI CHINA AGRICULTURAL WHOLESALE MARKETS ASSOCIATION (CAWA)

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah menerima kunjungan daripada China Agricultural Wholesale Markets Association (CAWA) seramai 42 orang bagi mengadakan Sidang Meja Bulat berkaitan Potensi Kerjasama Perdagangan dalam Industri Sarang Burung Walet (Birdnest) antara Malaysia-China yang dipengerusikan oleh Encik Khalid bin Ibrahim, Setiausaha Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Pelaburan (BDI) pada 21 Mac 2024 di Wisma Tani, Putrajaya.


Susulan pembentangan oleh Puan Liew Lee Su daripada Bahagian Sekuriti Makanan (BSM), kedua-dua pihak telah bertukar pandangan yang antara lain menekankan peluang kerjasama bagi meningkatkan pengeksporan dan prospek sarang burung walet Malaysia ke China melalui aktiviti promosi berkesan dan sesi padanan perniagaan Business-to-Business (B2B).

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) sebagai jabatan berkompeter telah diwakili oleh YBrs. Dr. Akma

binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah DVS. Turut hadir adalah pegawai-pegawai daripada BDI, BSM, DVS dan FAMA.



MAJLIS IKRAR DAN ANGKAT SUMPAAH DOKTOR VETERINAR BERDAFTAR GRADUAN LUAR NEGARA



Majlis Ikrar Dan Angkat Sumpah Doktor Veterinar Berdaftar Graduan Luar Negara Telah diadakan pada 27 Mac 2024 bertempat di Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Putrajaya.

Graduan Doktor Veterinar terdiri daripada:-

1. Institut Pertanian Bogor Indonesia 26 orang
2. Universiti Gajah Mada Indonesia 5 orang
3. Universitas Airlangga Indonesia 4 orang
4. Murdoch University Australia 2 orang
5. National Chung Hsing Taiwan University 2 orang
6. National Taiwan University 1 orang
7. MRCVS 1 orang

SIARAN MEDIA: MALAYSIA BEBAS PENYAKIT ANTHRAX

Meskipun tiada kes Antrax di negara ini, namun para penternak dinasihatkan untuk meningkatkan tahap biosekuriti ladang dan pastikan tahap kesihatan ternakan melalui pemeriksaan Pegawai Veterinar yang bertauliah di samping permit pergerakan ternakan yang sah.



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
 Department Of Veterinary Services
 Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
 Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2
 No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4
 62630 PUTRAJAYA
 MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000
 Faks : 603-898 8021
 E-mel : pro@dvs.gov.my
 Laman Web : www.dvs.gov.my

SIARAN MEDIA

MALAYSIA BEBAS PENYAKIT ANTHRAX

PUTRAJAYA: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) memandang serius wabak disyaki penyakit *anthrax* yang telah dilaporkan media berlaku di Champasack Province, Lao PDR pada 26 Mac 2024 lalu. Melalui perbincangan ASEAN EOC Network VC: *Anthrax Outbreak in Lao PDR* yang diselarasakan oleh pihak KKM pada 2 April 2024, pihak berkuasa Lao PDR mengesahkan bahawa tiada kes disahkan positif *anthrax* melalui ujian makmal pada manusia mahupun haiwan.

Penyakit *anthrax* ini disebabkan oleh bakteria *Bacillus anthracis* dan merupakan penyakit zoonotik iaitu penyakit haiwan yang boleh menjangkiti manusia dan boleh membawa maut. Penyakit ini boleh menjangkiti ternakan dan manusia melalui kontak langsung dengan spora yang dihasilkan oleh bakteria *Bacillus anthracis*. Penyakit ini boleh menyebabkan kadar kematian yang tinggi pada haiwan ternakan.

Antara tanda klinikal penyakit ini pada ternakan ialah kematian mengejut, demam yang tinggi, lemah, moyok, lesu, sukar bernafas, bengkak di kawasan jangkitan, terutamanya di kawasan leher, muntah dan cirit-bitir. Dalam sesetengah kes, darah keluar dari hidung, mulut, atau dubur ternakan. Para penternak perlulah melaporkan segera kepada DVS sekiranya mengesan sebarang tanda tersebut.

Untuk makluman, Malaysia bebas daripada penyakit *anthrax* semenjak kes terakhir yang dilaporkan kepada Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (WOAH) pada tahun 1976. Sehingga kini, tiada sebarang laporan berkenaan penyakit *anthrax* di negara ini. Walau bagaimanapun, penyakit berkenaan sentiasa aktif di kebanyakan negara di merata benua.

Sebagai langkah berjaga-jaga, DVS telah, sedang dan akan terus menjalankan aktiviti kawalan dan pencegahan yang berikut, demi memastikan negara sentiasa bebas daripada *anthrax*:

1. Memaklumkan pihak berkuasa veterinar Thailand terhadap keseimbangan Malaysia ke atas wabak *anthrax* dan meminta agar pemeriksaan penyakit *anthrax* dikenakan ke atas semua ternakan Thailand ke Malaysia.

2. Meneruskan aktiviti pemantauan klinikal ke atas ternakan ruminan di negara ini melalui Program Survelan Kebangsaan untuk mengesan penyakit *anthrax* seawal yang mungkin.

3. Meningkatkan tahap kesiapsiagaan DVS terhadap penyakit *anthrax* di semua peringkat termasuk DVS negeri, makmal veterinar dan Institut Penyelidikan Veterinar (VRI), melalui persediaan kelengkapan logistik, proses kerja menghadapi wabak penyakit *anthrax* dan mengemas kini maklumat berkenaan *anthrax*.

4. Menyediakan garis panduan pemeriksaan penyakit *anthrax* kepada pegawai MAQIS di pintu-pintu masuk negara untuk memastikan penguatkuasaan teknikal dapat dijalankan dengan lebih efisien dan efektif khususnya ke atas ternakan import dari Thailand.

5. Menyediakan risalah penyakit *anthrax* untuk edaran umum sebagai panduan mencegah daripada dijangkiti *anthrax*.

DVS ingin menasihati para penternak untuk meningkatkan tahap biosekuriti ladang terutamanya menjelang musim perayaan yang akan datang. Setiap ternakan baharu yang dibawa masuk ke ladang, perlu dipastikan tahap kesihatannya melalui pemeriksaan Pegawai Veterinar bertauliah dan permit pergerakan ternakan yang sah.

DVS juga menegaskan agar penternak sentiasa berhati-hati dengan sebarang kemasukan ternakan yang tidak mempunyai permit pergerakan yang sah terutamanya ternakan yang dibawa masuk dari negara jiran. Semua pihak, khususnya penternak adalah dipohon untuk sentiasa mengambil perhatian terhadap perkembangan semasa kejadian penyakit haiwan dan melaporkan segera kepada DVS Negeri berhampiran atau *hotline* 03-8870 2041 sekiranya mengesan sebarang tanda klinikal pada haiwan ternakan masing-masing.

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
 KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
 2 APRIL 2024

LAWATAN PERSATUAN PENTERNAK-PENTERNAK KEBANGSAAN KE PEJABAT YB MENTERI



Lawatan Persatuan Penternak-Penternak Kebangsaan ke Pejabat YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah berlangsung pada 18 April 2024 di Wisma Tani, Putrajaya.

Antara perkara yang dibincangkan adalah berkaitan dengan cadangan mengembangkan pasaran pembekalan daging ayam yang lebih kompetitif serta bantuan yang boleh disediakan oleh pihak kerajaan dalam memperkasakan industri penternakan khususnya ayam dan lembu.

Turut diberikan perhatian adalah isu perundangan dan kebenaran merancang kepada penternak.

WAWANCARA KPPV @ SELAMAT PAGI MALAYSIA, TV1



Bersama YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang mengupas topik "**SAMBUTAN HARI VETERINAR SEDUNIA 2024**" pada 18 April 2024, jam 8.35 pagi di Rancangan Selamat Pagi Malaysia (SPM), Angkasapuri, Kuala Lumpur.

BENKEL REGIONAL TRIPARTITE ON ANTIMICROBIAL RESISTANCE (AMR)-18 APRIL 2024, HOTEL EVERLY PUTRAJAYA

Lawatan pihak *Regional Tripartite for One Health* yang terdiri daripada *World Health Organization (WHO)*, *Food and Agriculture of the United Nations (FAO)* dan *World Organization for Animal Health (WOAH)* bagi membincangkan mengenai penglibatan Malaysia di dalam aktiviti Regional Tripartite di peringkat serantau dan pelaksanaan aktiviti *Malaysian Action Plan on Antimicrobial Resistance (My-APMR) 2022-2026* yang akan disokong melalui *Regional Tripartite AMR Project*.



LAWATAN KPPV KE PET WORLD NUTRITIONS-20 APRIL 2024, SHAH ALAM



Lawatan Kerja YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar ke Pet World Nutritions, salah satu pengeluar makanan haiwan kesayangan di Malaysia pada 19 April 2024 bertempat di Shah Alam, Selangor.

KPPV @ MALAYSIA HARI INI

Bersama YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang mengupas topik "**SAMBUTAN HARI VETERINAR SEDUNIA 2024**" pada 23 April 2024, jam 10.15 pagi.





PANDUAN MENGHADAPI MUSIM PANAS KEPADA PARA PENTERNAK

Pengalaman sistem pengeluaran dan Amalan Penternakan Baik.

1. Mengamalkan sistem pengeluaran ternakan dengan terkawal dan Amalan Penternakan Baik.





 [Jabatan Perkhidmatan Veterinar](#)
 [@dvsmalaysia](#)
 [@dvsmalaysia_official](#)
 [@dvsmalaysia](#)
 [Jabatan Perkhidmatan Veterinar \(DVS\)](#)

PEMBENTANGAN ANUGERAH INOVASI DVS 2024

Pembentangan Anugerah Inovasi DVS 2024 sedang berlangsung di Bilik Tayangan, KPKM dari 23 hingga 24 April 2024.

Sebanyak 15 Inovasi dibentang dan disaring di hadapan para penilai yang dibarisi oleh YBrs. Dr. Rohana binti Abu Bakar, Dr. Yahasmida binti Yacob

dan YBrs. Dr. Mohd Razi bin Abdullah.

Inovator terpilih berpeluang ke Pertandingan Anugerah Inovasi pada 13-15 Mei 2024 di Dewan Bankuet, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Tahniah diucapkan kepada semua Inovator!



KPPV @ RADIO NASIONAL FM

Bersama YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang mengupas topik "Waspada Zoonotik" pada 24 April 2024 jam 10.30 pagi bertempat di Angkasapuri, Kuala Lumpur.





WASPADA ZONOTIK



YBRS. DR. AKMA BINTI NGAH HAMID
KETUA PENGARAH
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

RABU | 24 APRIL 2024 | 10.30 PAGI



**SAMBUTAN HARI VETERINAR SEDUNIA TAHUN 2024, JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
25 HINGGA 28 APRIL 2024
DI LAMAN TERNAKAN, MAEPS, SERDANG**



PERSIAPAN 24 APRIL 2024



DAY 1 25 APRIL



DAY 2 26 APRIL



DAY 3 27 APRIL



DAY 4 28 APRIL 2024

Pelbagai aktiviti menarik diadakan sempena Sambutan Hari Veterinar Sedunia Tahun 2024 anjuran Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) yang diadakan di Laman Ternakan, MAEPS, Serdang bermula 25 hingga 28 April 2024.

Antaranya Kebuniti Ternakan, Meow Fiesta (Pertandingan Kucing Cantik), program pemandulan kucing, pemeriksaan dan dandanan kucing, kad pengenalan haiwan (pet passport), jualan produk/peralatan/makanan ternakan dan haiwan kesayangan, serta banyak lagi.

Turut diadakan pameran lembu sado yang menampilkan baka seperti Charolais, Belgian Blue, Limousine, Blonde dan Brahman serta pelbagai jenis baka kambing seperti Kalahari, Boer dan Anglo Nubian. Turut mendapat perhatian pengunjung sepanjang sambutan ini adalah kerbau baka Murrah berwarna hitam yang bernama Sonchai.

Bersesuaian dengan tema sambutan Hari Veterinar pada

tahun ini iaitu "*Veterinarians are essential health workers*" yang bertujuan menghargai para veterinar di seluruh negara atas jasa yang diberikan dalam memastikan jaminan dan keselamatan makanan berasaskan ternakan selain berperanan penting dalam kawalan penyakit zoonotik, serta penyakit rentas sempadan yang boleh menggugat industri ternakan negara.

Bagi ternakan yang dibawa masuk dari luar negara, proses kuarantin adalah diwajibkan bertujuan memastikan ternakan berkenaan benar-benar sihat. Ternakan yang tidak melalui proses kuarantin dan tidak diketahui status kesihatannya dikhuatiri boleh membawa pelbagai penyakit ternakan dan lebih membimbangkan penyakit zoonotik yang boleh berjangkit kepada manusia. Penyakit zoonotik boleh merebak kepada manusia melalui kontak secara langsung dan tidak langsung dengan haiwan dijangkiti, pengambilan makanan dan melalui vektor (seperti kutu, nyamuk dan lain-lain).

Bagi menangani isu ini, DVS telah menubuhkan *task force* dengan tujuan untuk mengesan ladang-ladang yang disyaki menjadi tempat simpanan ternakan yang tidak diketahui punca bekalan.

Ladang-ladang yang dikenalpasti ini akan dibuat pemantauan secara proaktif oleh DVS dari sudut tahap kesihatan ternakan ladang. Jika ternakan di ladang tersebut diuji positif sebagai pembawa penyakit, ia akan dikuarantin dan tindakan kawalan penyakit akan dibuat. Tindakan ini bagi mengekang penularan penyakit ternakan dan jangkitan penyakit zoonotik kepada orang ramai.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menerusi DVS sentiasa komited dalam memastikan kesihatan awam melalui kawalan penyakit zoonotik dan penghasilan makanan berasaskan haiwan yang bersih dan selamat serta melindungi industri ternakan dalam negara dari ancaman penyakit haiwan.

SESI ROUNDTABLE ANTI-MICROBIAL RESISTANCE (AMR)

YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar hadir ke sesi *Roundtable Anti-Microbial Resistance (AMR)* oleh *National Antimicrobial Resistance Committee (NARC)* serta British High Commission Kuala Lumpur (BHC KL) di British High Commission, Menara Binjai, Kuala Lumpur pada 29 April 2024.

Sesi ini adalah bertujuan untuk mengukuhkan kerjasama dan kesedaran mengenai AMR dalam kalangan Ahli Parlimen dan memberi pendedahan kepada Ahli Parlimen terhadap penglibatan Malaysia di mesyuarat High Level Meeting on AMR yang akan diadakan di United Nations General Assembly (UNGA) pada September 2024.





Pengenalan IATn

Produk Primer terhasil selepas proses penyembelihan sehingga kepada bentuk karkas, pengumpulan susu, penggredan telur serta produk sampingan dari ternakan dan aktiviti pemprosesan.

Contoh Produk Primer:

- Asas Daging
 - Karkas, Keratan Daging
- Asas Telur
 - Telur
- Asas Kulit
 - Kulit Mentah
- Asas Susu
 - Susu Segar





LAWATAN KERJA RASMI KPPV KE KOTA BHARU

YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar membuat lawatan kerja rasmi ke ladang-ladang sekitar Kota Bharu, Kelantan bagi bertemu dan bertukar buah fikiran bersama penternak pada 10 Mei 2024.

Turut hadir YBrs. Dr. Shaharul Akmar bin Talib, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah dan YBrs. Dr. Nor Natasha binti Mohd Sofian, VetEC Timur Laut.

Lawatan ladang 1: Saudagar Susu Wansu (Mohamad Ridzuan bin Abdul Halil)	Lawatan ladang 2: Mohamad Zailani bin Mat Nawi
Lot 231, Kg Biah, Jln Perol, 16010 Kota Bharu, Kelantan.	Lot 1829, Lorong Keladang 2, Kg Keladang Salor, 15100 Kota Bharu Kelantan
Komoditi: i. Lembu tenusu: 20 ekor ii. Kambing tenusu: 40 ekor iii. Lembu pedaging: +-18 ekor	Komoditi: i. Lembu pedaging kacukan- 17 ekor



LAWATAN KERJA RASMI DATUK KSU KPKM KE KLUANG



Lawatan kerja YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bersama YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar ke Kluang, Johor pada 12 Mei 2024.

Tiga ladang yang dilawati adalah:

1. UK Agro Park Sdn Bhd
2. Angkasa Kpmardi Dairy Sdn. Bhd
3. Ladang Ternakan Ayer Hitam

Tujuan lawatan ini adalah untuk bersua muka bersama penternak disamping bertukar-tukar buah fikiran.

KUNJUNGAN HORMAT DVS KE PEJABAT YB MENTERI KPKM



YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar bersama YBrs. Dr. Rohana Abu Bakar (Pengarah Bahagian Penyelidikan Veterinar) dan YBrs. Dr. Zulkifli Ishak (Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Industri Ternakan)

membuat kunjungan hormat YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan di Wisma Tani, Putrajaya pada 13 Mei 2024 yang lalu.

Selain tujuan untuk menjemput YB Menteri ke Majlis Konvensyen Pengembangan Veterinar dan Hari Inovasi Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang berlangsung pada 13 hingga 16 Mei 2024 di Dewan Bankuet Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, pertemuan sebentar tadi juga turut membincangkan beberapa perkara berbangkit berkaitan dengan pengimportan haiwan dari luar negara.

500 HADIR KE KONVENSYEN PENGEMBANGAN VETERINAR DAN HARI INOVASI TAHUN 2024



Seramai 500 warga kerja Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) menghadiri Konvensyen Pengembangan Veterinar dan Hari Inovasi Tahun 2024 yang diadakan di Dewan Bankuet Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang bermula 13 hingga 16 Mei 2024.

Konvensyen ini mengumpulkan ejen-ejen pengembangan yang terdiri daripada pegawai-pegawai teknikal Jabatan dari seluruh Malaysia dalam satu forum yang bertujuan untuk mendedahkan dan berkongsi pengalaman, teknologi terbaru serta ilmu pengetahuan berkaitan industri ternakan.

Pengembangan Veterinar (PV) merupakan perkhidmatan proaktif yang ditawarkan DVS kepada pelanggan secara berterusan dan konsisten serta satu proses yang melibatkan tempoh masa yang panjang dari bermulanya sesuatu projek sehingga ia berjaya.


Semua ejen pengembangan yang melaksanakan PV harus menguasai kemahiran dalam empat disiplin iaitu perubatan pencegahan veterinar, ekonomi ladang, kaedah mengembang projek dan ilmu teknologi maklumat. Kesemua bidang kemahiran ini digembleng bagi membantu golongan penternak yang telah dikenalpasti bagi memperkembang serta meningkatkan prestasi penternakan mereka.

Antara perkongsian ilmu sepanjang konvensyen berlangsung termasuklah pembentangan Program Pengembangan Veterinar Negeri, success story projek pengembangan, pembentangan laporan dan isu semasa serta sesi soal jawab bersama pakar rujuk.

Turut diadakan Hari Inovasi Jabatan Perkhidmatan Veterinar Tahun 2024 yang dijadikan sebagai platform pembudayaan inovasi dalam kalangan warga DVS secara keseluruhan tanpa mengira gred dan pangkat, di samping mengetengah dan mempertandingkan hasil inovasi yang dicipta. Pelaksanaan Hari Inovasi juga merupakan salah satu inisiatif ke arah sasaran pemodenan industri ternakan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Selaras dengan usaha menambah baik perkhidmatan ejen pengembangan termasuk ke arah sasaran pemodenan, maka tahun ini Konvensyen Pengembangan Veterinar dan Hari Inovasi diadakan serentak bagi menyebarkan luas idea-idea inovasi yang dihasilkan warga DVS dan pengusaha industri melalui penyampaian maklumat inovasi oleh ejen pengembangan di lapangan.

KPKM melalui DVS akan terus bersama-sama mengemblem tenaga dan maklumat dalam memperkembangkan lagi industri ternakan negara secara holistik di samping membudayakan inovasi di setiap rantai perkhidmatan yang diberikan.



TAHNAH KEPADA SEMUA PARA PEMENANG DI KONVENSYEN PENGEMBANGAN VETERINAR DAN HARI INOVASI JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR TAHUN 2024



13 MEI DAY 1



14 MEI DAY 2



15 MEI DAY 3



16 MEI DAY 4

PEMENANG KATEGORI KONVENSYEN PENGEMBANGAN VETERINAR TAHUN 2024

a. Juara Keseluruhan Pengembangan Veterinar Terbaik

DVS Negeri Johor

b. Pengembangan Veterinar Negeri Terbaik

1. DVS Negeri Johor
2. DVS Negeri Perak
3. DVS Negeri Pahang

c. Pengembangan Veterinar Daerah Terbaik

1. Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Batang Padang, Perak
2. Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Sipitang, Sabah
3. Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Muar, Johor

e. Pengembangan Veterinar Pusat Operasi PPIT Terbaik

1. Pusat Operasi Melimau, Melaka (VetEC Barat Daya)
2. Pusat Operasi Benting, Pahang (VetEC Tenggara)
3. Pusat Operasi Taiping, Perak (VetEC Tengah)

g. Pegawai Pengembangan Terbaik

1. Cik Arina Sarmilah binti Aziz (PPVD Gombak, Selangor)
2. Puan Saadiah binti Idris (PO Hulu Terengganu, Terengganu)
3. Encik Muhamad Nizam bin Karim (PPVD Mersing, Johor)

i. Video Success Story Terbaik

1. Encik Ramesh a/l Kaniappan (TKPM Redong Segamat, Johor) – Tanaman Foder
2. Wira Bintang (Meat Goat Farm, Sabah)
3. Encik Mohd Farish bin Ahmad (Perak)

d. Pengembangan Veterinar Pusat Operasi KTS Terbaik

1. Pusat Operasi Slim River, Perak (VetEC Tengah)
2. Pusat Operasi Gurun, Kedah (VetEC Utara)
3. Pusat Operasi Raub, Pahang (VetEC Tenggara)

f. PPV IATn Terbaik

1. Wan Malinja Food Industry Sdn Bhd (Johor)
2. Rajin Food Industries Sdn Bhd (Kedah)
3. Jamaiah Food & Bakery (Selangor)

h. Success Story Projek Terbaik

1. Encik Aznan bin Chik (Pahang) – Penternakan lembu integrasi
2. Encik David Yip Yat Sing (Sabah) – Penternakan kambing
3. Encik Mohd Amin bin Mohd Salleh (Kelantan) – Penternakan lembu pedaging

j. Poster Success Story Terbaik

1. Wira Bintang (Meat Goat Farm, Sabah)
2. E'Marzuq Enterprise (Perak)
3. Rajin Food Industries (Kedah)
4. Wan Malinja Food Industry Sdn Bhd (Johor)

PEMENANG KATEGORI ANUGERAH INOVASI TAHUN 2024

i. Anugerah Kecemerlangan Inovasi Veterinar

1. DVS Negeri Terengganu

ii. Anugerah Inovasi Industri (Pengeluaran)

1. AMN Utara Enterprise - Mini Harvester Beroda Tiga
2. KM Heritage Farm Sdn Bhd – Taman Napier Mixed Foder
3. CM Best Food - Bokashi Premium

iii. Anugerah Inovasi Industri (Produk)

1. Rajin Food Industries Sdn Bhd – Rajin Beef Jerky
2. Afma Sdn Bhd – Lembu Salai Dendeng
3. UTM - Equigreen

iv. Anugerah Inovasi Teknologi

1. DVS Negeri Pahang – Pouch Bag Vaccine 2.0
2. Institut Penyelidikan Veterinar – Rapid Salmobella Detection
3. DVS Negeri Terengganu – Mobile Vet Smart Box

v. Anugerah Inovasi Perkhidmatan

1. DVS Negeri Johor – JETs Lancar, Pelanggan Disantuni
2. DVS Negeri Perak – VETRO
3. DVS Negeri Kedah – Sistem ePLUS

WAWANCARA DR. KETTY GOH BERSAMA 8TV

Y Bersama YBrs. Dr. Ketty Goh, Pegawai Veterinar dari Bahagian Regulatori Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang mengupas topik mengenai "Guide to Legal Pet Raising" pada 16 Mei 2024 bertempat di Sri Pentas, Bandar Utama, Petaling Jaya. Siaran ini ditayangkan pada 17 Mei 2024 (Jumaat) jam 2.00 petang di saluran 8TV.



WAWANCARA DI BERNAMA TV - 21 MEI 2024, KUALA LUMPUR



Bersama YBrs. Dr. Zulkifli bin Ishak, Timbalan Pengarah, Bahagian Pembangunan Industri Ternakan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang akan mengupas topik mengenai "PENGEMBANGAN DALAM INDUSTRI TERNAKAN DI MALAYSIA".

KUNJUNGAN HORMAT KETUA PENGARAH DEPARTMENT OF LIVESTOCK DEVELOPMENT (DLD) THAILAND

Y Brs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar telah menerima kunjungan hormat daripada Ketua Pengarah Department of Livestock Development (DLD) Thailand, Dr. Somchuan Ratanamungklanon pada 23 Mei 2024 di ibu pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar Putrajaya.

kanan DLD, Kedutaan Diraja Thai dan wakil-wakil daripada pihak industri negara Thailand.

Pertemuan berlangsung bagi membincangkan kerjasama dan isu teknikal dua hala serta penerangan kepada pihak industri mengenai perdagangan haiwan dan produk haiwan kedua-dua negara.



Delegasi dari Thailand turut disertai oleh pegawai-pegawai

PROGRAM "NON-SURGICAL EMBRYO FLUSHING" - 23 MEI 2024, JERANTUT, PAHANG



Program "Non-Surgical Embryo Flushing" telah berlangsung di Institut Biodiversiti Veterinar Kebangsaan (IBVK), Jerantut, Pahang bersama fasilitator YBrs. Dr. Habsah Binti Bidin, Timbalan Pengarah Program *Advanced & Reproductive Technology*, Pegawai Penyelidik Prinsipal dengan warga kakitangan IBVK pada 23 Mei 2024.

Program ini bermula dengan sesi pagi iaitu "Non-Surgical Embryo Flushing" dan aktiviti "Oocyte Searching and grading" telah dijalankan pada sebelah petang.

FAO MISSION TO ACCAHZ OFFICE

Tujuan misi ini adalah untuk pihak FAO-ECTAD Bersama DFAT Australia Mission to ASEAN sebagai funder bagi FAO SMART ASEAN Project dan DLD-Thailand datang mengunjungi Pejabat ACCAHZ, berbincang bersama Interim ACCAHZ Coordinating Officer (ICO) dan mengadakan pertemuan dengan DVS Malaysia pada 29 Mei 2024.

Ini susulan kepada berakhirnya FAO SMART ASEAN Project dari tahun 2021 sehingga 31 Mei 2024 di mana ianya telah sedikit sebanyak membantu dalam memberi sokongan kepada ASEAN khususnya Malaysia sebagai negara tuan rumah pertama penubuhan ACCAHZ (2016) dan usaha pengoperasian ACCAHZ.

Kehadiran:



1. DELEGASI - THAILAND

1. Dr. Noppawan Buameethup, Expert and DG Representative
2. Dr. Wacharaporn Chotiyaputta, Expert and ACCAHZ Governing Board
3. Dr. Supalak Prabsriphum, Veterinarian, Professional Level DFAT
4. Richard Lee, Program Specialist/ Advisor Australian Mission to ASEAN FAO
5. Asfri W. Rangkuti, ASEAN RSU Project Coordinator
6. Maharti Rihana, ASEAN RSU Programme Specialist

2. DVS

Dipengerusi oleh YBr. Dr. Rohaya binti Mohd Ali, Pengarah Kanan Bahagian Kesihatan Awam Veterinar selaku wakil KPPV dan urusetia ACCAHZ, YBr. Dr. Leonora Tuah Merawin, YBr. Dr. Ardhy bin Adnan, Encik Azhar Afnan bin Mohd Redzuan serta YBr. Dr. Jamaliah binti Senawi (wakil Bahagian Kawalan Penyakit).

3. ACCAHZ IACO

Dr Mohd Shafarin bin Shamsuddin, Pengarah Makmal Veterinar Zon Tengah Serta delegasi melawat Pejabat ACCAHZ serta "in kind facility" ACCAHZ dan berakhir dengan sesi tertutup SMART ASEAN Project handover event.

SESI PENYERAHAN MEMORANDUM KOLABORASI TAMBAHAN KEPADA MEMORANDUM KOLABORASI BAGI PROGRAM PEMBANGUNAN TENUSU ANTARA JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) DAN DUTCH LADY MILK INDUSTRIES (DLMI) BERHAD



Memorandum kolaborasi penting antara Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia dan Dutch Lady Milk Industries Berhad telah termeterai pada 31 Mei 2024 yang lalu.

Kolaborasi ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran penternak tenusu tempatan, dengan tumpuan diberikan kepada peningkatan kualiti susu, pencapaian produktiviti yang tinggi, serta mempromosikan kelestarian alam sekitar.

Dengan mengambil bahagian dalam inisiatif ini, kami berharap dapat meningkatkan piawai keselamatan makanan, tahap

sara diri dalam industri tenusu tempatan, dan penambahbaikan dalam sekuriti makanan.

Terdahulu pada 4 Mac 2024 telah berlangsungnya Sesi Menandatangani Memorandum Kolaborasi Tambahan kepada Memorandum Kolaborasi bagi Program Pembangunan Tenusu antara DVS dan DLMI.

Semoga dengan kolaborasi ini kita dapat mencapai kecemerlangan dalam industri tenusu negara di samping memastikan produk berkualiti terbaik untuk semua rakyat Malaysia.

LAWATAN KPPV KE PROJEK PENTERNAKAN LEMBU WAGYU

Lawatan YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, KPPV diteruskan pada hari yang sama ke projek penternakan lembu wagyu, Kelfarm Sdn.Bhd milik Encik Faizol Akman bin Awang pada 10 Mei 2024.

Syarikat Kelfarm Sdn Bhd ditubuhkan pada tahun 2022, mempunyai tiga cawangan di negeri melibatkan aktiviti penternakan secara fidlot dan bridlot.



PANDUAN MENGHADAPI MUSIM PANAS KEPADA PARA PENTERNAK

Sentiasa memantau keadaan semasa ternakan untuk tanda - tanda penyakit.

1. Penternak perlu **mengambil tindakan** segera sekiranya ternakan memerlukan rawatan.
2. Sebagai langkah **pencegahan**, penternak boleh memberikan suplemen elektrolit & vitamin kepada ternakan.



Jabatan Perkhidmatan Veterinar @dvsmalaysia @dvsmalaysia_official @dvsmalaysia Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS)

MEETING OF ASIAN REGIONAL NATIONAL COORDINATORS FOR THE MANAGEMENT OF ANIMAL GENETIC RESOURCES IN THE SOUTH ASIAN REGION



Sumber Genetik Haiwan (AnGR) adalah komponen penting dalam asas biologi untuk keselamatan makanan sedunia. Pangkalan sumber ini penting dalam usaha untuk membanteras kelaparan dunia. Kepelbagaian sumber-sumber ini membolehkan adaptasi populasi ternakan terhadap kekangan alam sekitar semasa dan yang akan datang, dan merupakan "bahan mentah" bagi pembiak untuk membuat peningkatan genetik.

Di peringkat Asia, bengkel serantau ini akan dianjurkan oleh Malaysia dan dikelolakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dengan kerjasama Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI). Bengkel ini akan diadakan di Putrajaya dari 4 hingga 6 Jun 2024.

Malaysia menjadi tuan rumah kepada penganjuran Mesyuarat Penyelaras Kebangsaan Serantau Asia Untuk Pengurusan Sumber Genetik Haiwan di Rantau Asia Selatan: Laporan ke-3 Kedudukan Sumber Genetik Haiwan Untuk Makanan dan Pertanian (SOW-ANGR3).

Mesyuarat dirasmikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YBhg. Datuk Azah Hanim Ahmad dengan dihadiri oleh YBhg. Dato' Dr. Mohamad Zabawi Abdul Ghani,

Ketua Pengarah MARDI, YBrs. Dr. Suratan Kamarudin, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan wakil-wakil daripada 21 buah negara Asia Selatan.

Mesyuarat ini merupakan mesyuarat berjadual di bawah rangka kerjasama sektor penternakan dalam kalangan negara Asia Selatan.

Kali ini Malaysia melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) bersama Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah dipilih oleh The Food and Agriculture Organization of The United Nation (FAO) sebagai sekretariat bagi penganjuran kali ini.

Mesyuarat ini adalah sebahagian dari usaha global berterusan FAO untuk memastikan kelestarian sumber genetik haiwan di peringkat global. Sumber genetik haiwan adalah sebahagian daripada biodiversiti yang berpotensi menjadi sumber makanan penting terutamanya dalam masa yang mencabar dan mesti dijaga serta tidak dilupakan.

Program ini diteruskan dengan lawatan ke Kuala Gandah Elephant Conservation Centre Bersama National Coordinators dari 10 negara di serantau Asia pada 6 Jun 2024.

Kuala Gandah Elephant

Conservation Centre adalah merupakan salah satu tempat di Malaysia yang menyediakan tempat pusat perlindungan dan konservasi gajah.



Melindungi gajah Asia secara langsungnya dapat membantu melindungi ribuan jenis spesies lain yang terdapat dalam lingkungan habitat gajah tersebut.

Gajah membuka denai-denai dan menumbangkan pohon-pohon yang menjadi sumber makanan semula jadi yang sangat diperlukan untuk haiwan yang lebih kecil umpama jentolak semula jadi, serta menyebarkan biji-bijian di dalam najisnya.

Sebagai pengetahuan, ini merupakan pertama kali Malaysia dipilih menjadi tuan rumah oleh pihak Food and Agriculture Organization (FAO) bagi program ini.



MAJLIS PELUNCURAN MAHA KE-100 TAHUN 2024



Y Brs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar di sekitar Majlis Peluncuran MAHA ke-100 Tahun 2024 bertemakan 'Menuai Harapan, Membina Masa Hadapan' yang dirasmikan oleh YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan

(KPKM) pada 10 Jun 2024 bertempat di Hall D, MAEPS, Serdang.

Program MAHA Ke-100 Tahun akan berlangsung bermula 11 hingga 22 September 2024.

PANDUAN MENGHADAPI MUSIM PANAS KEPADA PARA PENTERNAK

Mengelakkan pemindahan ternakan dalam cuaca panas melampau.

1. Penternak perlu **mengurangkan** risiko untuk memindahkan ternakan.
2. Haiwan apabila dalam cuaca panas, akan gelisah, termenung sehingga boleh menyebabkan **tekanan dan dehidrasi**.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar @dvsmalaysia @dvsmalaysia_official @dvsmalaysia Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS)

LAWATAN TAPAK PENYEMBELIHAN TERNAKAN BAGI MUSIM HARI RAYA AIDILADHA OLEH DVS WPKL BERSAMA DBKL- 11 JUN 2024, SELAYANG



Sesi lawatan ini dihadiri oleh YBrs. Dr. Nur Izzati binti Aman, Pegawai Veterinar, Encik Zulkifri bin Zainal Bidin dan Encik Muhammad Nafeez bin Ghairuddin dari DVS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Tujuan lawatan ini adalah untuk memeriksa kawasan tapak penyembelihan ternakan sama ada bersesuaian ataupun tidak untuk mengukur garis panduan yang sedia ada.

Kedua-dua tempat yang dilawat didapati tidak sesuai

untuk penyembelihan ternakan atas sebab berdekatan dengan perparitan awam dan penempatan awam.

Untuk pengetahuan, berikut adalah antara tempat penyembelihan ternakan yang dibenarkan:

1. Surau atau masjid Yang berdaftar dengan JAWI.
2. Balai raya atau tempat lapang dibenarkan oleh pihak JKAS,DBKL.
3. Rumah sembelih swasta yang dilesenkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar.



Pengenalan IATn

Produk Sekunder dihasilkan melalui perubahan sesuatu produk primer kepada satu produk lain yang lebih bernilai serta lebih dikehendaki oleh pasaran.

Contoh Produk Sekunder:

Asas Daging

- Daging Salai, Daging Berempah

Asas Telur

- Telur Masin

Asas Kulit


- Kulit Terawat

Asas Susu

- Susu Tepung



PENJAGAAN MULUT KUCING



Anda perlu tahu 5 info penting ini! Jangan ambil mudah jika si bulus hilang selera makan

SAMA seperti manusia, kucing juga memerlukan penjagaan gigi dan mulut. Cuba ingat kembali, bilakah kali terakhir anda memeriksa mulut si bulus kesayangan? Jika anda dapati mulut haiwan kesayangan berbau, sebenarnya ia adalah simptom kepada masalah gusi atau gigi.

Jika tidak dirawat, akar gigi akan membusuk dan bernanah serta akhirnya mengakibatkan si bulus kesakitan hingga hilang selera makan.

Jadi, sebagai 'cat parent', anda sewajarnya mempelajari beberapa langkah mudah untuk menjaga kesihatan mulut dan gigi kucing supaya mereka sentiasa sihat, lincah dan keletah.

1

Periksa mulut secara berkala

Lakukan pemeriksaan terhadap mulut kucing anda sekurang-kurangnya sekali sebulan untuk memastikan tiada tanda-tanda masalah gigi atau gusi. Perhatikan warna gusi, gigi yang patah atau reput, dan bau mulut yang tidak normal.

2

Berus gigi

Berus gigi si bulus sekurang-kurangnya 2-3 kali seminggu dengan menggunakan berus gigi khas untuk kucing dan ubat gigi yang selamat untuk haiwan. Tapi awas, jangan guna ubat gigi manusia, okay!

3

Pemilihan makanan

Pemilihan makanan juga memberi kesan kepada gigi kucing. Makanan kering yang berkualiti tinggi boleh membantu membersihkan gigi kucing semasa mereka mengunyah. Tapi jangan lupakan makanan basah, sebab kucing perlu air daripada makanan mereka juga. Atau, dapatkan nasihat doktor jika si bulus anda mengalami masalah agar dapat memilih makanan yang bersesuaian.

4

Cegah karang gigi

Sama juga seperti manusia, kucing juga berdepan dengan masalah karang gigi. Salah satu puncanya adalah pemakanan. Oleh itu, sentiasa bertanya atau merujuk doktor mengenai pemilihan makanan serta supplemen untuk merawat masalah si bulus.

5

Pantau simptom

Jika anda dapati si bulus mempunyai tanda-tanda seperti bau mulut yang teruk, susah mahu mengunyah, gusi bengkak, segeralah bawa kucing anda berjumpa doktor haiwan. Masalah gigi dan gusi boleh menyebabkan kesakitan dan masalah kesihatan yang lebih serius jika tidak dirawat.



Sumber: MStar

BUKU PANDUAN MENTERNAK LEMBU PEDAGING SECARA INTEGRASI BERSISTEMATIK DI LADANG KELAPA SAWIT

Buku Panduan Menternak Lembu Pedaging Secara Integrasi Bersistematik Di Ladang Kelapa Sawit

Buku ini telah dirasmikan oleh YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan semasa Konvensyen Pengembangan Veterinar dan Hari Inovasi Jabatan Perkhidmatan Veterinar Tahun 2024.

Kenapa buku ini dihasilkan?

Bagi mengembangkan industri penternakan negara, sumber paling penting adalah kawasan. Negara tiada kawasan padang-padang ragut yang luas seperti negara 4 musim. Malah, kawasan sedia ada semakin dihipit kemajuan dan penempatan. Namun, kita mempunyai lebih 5 juta hektar kawasan sawit yang di bawahnya terdapat tumbuhan rumpai yang boleh dimakan oleh ternakan ruminan. Apabila diuruskan dengan baik, rumpai-rumpai ini dapat menjadi sumber makanan utama ruminan sambil mengurangkan kos merumpai oleh peladang sawit. Secara konsep, ianya adalah pendekatan menang-menang antara penternak dan peladang sawit.

Namun, diperingkat pelaksanaan timbul pelbagai isu yang menjadi konflik antara penternak dan peladang akibat cara pengurusan ternakan yang tidak baik dan kebanyakannya tidak sistematik. Konflik ini apabila tidak dibendung akan menjadi penyebab kenapa ada penternak integrasi yang dihalau keluar oleh pemilik ladang. Oleh itu, DVS mengeluarkan buku ini sebagai panduan untuk penternakan integrasi bersistematik yang lebih baik. Ianya terhasil dari gabungan pengalaman kakitangan lapangan DVS bersama penternak-penternak integrasi termasuk agensi lain seperti MPOB dan syarikat-syarikat GLC serta swasta yang mengamalkan penternakan integrasi.

Di mana boleh dapatkan buku ini?

Kepada yang berminat boleh download percuma sahaja dari laman sesawang DVS www.dvs.gov.my atau melalui link yang diberikan.

DVS berharap buku ini dapat memberi manfaat kepada penternak integrasi yang mahu mengamalkannya.





Pengenalan IATn

Produk Tertiar dihasilkan melalui pemprosesan produk primer kepada yang lebih bernilai, pada masa yang sama menawarkan kepelbagaian pilihan, produk baru dan peluang pasaran pilihan kepada pengeluar bahan mentah.

Contoh Produk Tertiar:

Asas Daging

- Sosej, Nugget, Burger

Asas Telur

- Sapuan Seri Kaya, Mayonis

Asas Kulit

- Keropok Kulit

Asas Susu

- Aiskrim, Yogurt, Mentega





IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL



 @veterinarmalaysia



 DVSMalaysia



 DVSMalaysia



 @veterinarmalaysia

JABATAN
PERKHIDMATAN
VETERINAR



VETERINAR
KOMPETEN

MASYARAKAT
SEJAHTERA

 www.dvs.gov.my





JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan,
Blok Podium, Lot 4G1,
Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62624 Putrajaya

Tel: (603) 8870 2000
Faks: (603) 8888 6021
Email: [pro\[at\]dvs.gov.my](mailto:pro[at]dvs.gov.my)